

26/01/2002

Penjaja Melayu harus kikis budaya mahu cepat senang

SECARA rambang, pendatang asing dikatakan sudah mengambil alih hingga 40 peratus daripada 35,000 gerai berlesen yang dikhususkan untuk penjaja tempatan di Lembah Klang. Kesahihannya mungkin sukar dipastikan, tetapi sekurang-kurangnya ia menunjukkan perbuatan penjaja tempatan menjual atau menyewakan gerai masing-masing kepada pendatang asing bukan kes terencil, sebaliknya diakui amat berleluasa. Dalam soal ini, bukan penjaja asing yang harus dipersalahkan. Sebaliknya, ia direlakan berlaku oleh penjaja tempatan sendiri yang mudah gelap mata dengan keuntungan cepat. Ada penjaja yang dikatakan ditawarkan hingga RM50,000 untuk menjual tapak gerai masing-masing.

Hakikat bahawa ada penjaja asing yang sanggup membuat tawaran setinggi itu, menyerlahkan keyakinan mereka untuk mengaut keuntungan lebih besar. Jika diusahakan sendiri, penjaja tempatan yang didatangi tawaran seperti itu juga sebenarnya boleh mengaut laba berganda. Tetapi disebabkan masalah sikap serta didorong nafsu tamak untuk mendapat keuntungan segera, mereka menjualnya kepada penjaja asing. Keadaan seperti inilah yang mengecewakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kelmarin mengarahkan operasi pembersihan bagi membebaskan kawasan penjaja sekitar Lembah Klang, terutama di Chow Kit, daripada rakyat Indonesia yang berniaga secara haram.

Sebagaimana didedahkan Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Pekedai Bumiputera Wilayah Persekutuan, Mithlan Samijoo, penjaja tempatan yang menjual gerai, kemudian bekerja pula dengan penjaja asing terbabit. Tujuannya ialah untuk mengabui mata anggota penguat kuasa yang melakukan pemeriksaan, kononnya merekalah yang masih mengusahakan gerai berkenaan, manakala pendatang asing itu hanya sebagai pekerja. Ia sebenarnya adalah penipuan yang mengkhianati diri sendiri serta kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan, termasuk tempat berniaga serta lesen semurah RM12 sebulan, dengan harapan penjaja tempatan dapat bersaing dan nasib mereka terbela.

Sudah menjadi lumrah penjaja Melayu tempatan akan mudah melenting apabila perbandingan dibuat dengan penjaja kaum lain, khususnya dari keturunan Cina. Jika seorang penjaja Melayu dilihat amat laris jualan nasi lemaknya, maka puluhan lagi gerai nasi lemak akan wujud di kawasan penjajaan yang sama. Penjaja keturunan Cina tidak akan berbuat demikian, sebaliknya menawarkan sajian berbeza sebagai tarikan pelanggan. Jauh sekali untuk menjual gerai, penjaja Cina sanggup bertungkus-lumus untuk membesarkan perniagaan atau menambah gerai yang ada. Suasana mereka berniaga juga lebih harmoni tanpa hasad dengki yang lazimnya menebal di kalangan penjaja Melayu.

Dengan wujudnya sifat iri hati seperti itu, penjaja tempatan yang menjual atau menyewakan gerai kepada pendatang asing, tidak akan dapat menyembunyikan perbuatan mereka. Risikonya ialah mereka berdepan tindakan, termasuk disenaraihitamkan daripada mendapat lesen pada masa depan. Apakah penjaja Melayu selamanya mahu bersenang dengan cara mudah? Dan apakah bukan budaya penjaja Melayu untuk berusaha lebih sedikit? Pilihan sebenarnya di tangan penjaja Melayu sendiri untuk mengubah sikap tanpa mereka dapat menyalahkan kerajaan atau pendatang asing sekiranya apa yang dikejar tak dapat, manakala yang dikendong pula semuanya habis berciciran.

(END)